

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-

- (a) Status terkini penarikan diri Malaysia daripada meratifikasi Statut Rome dan ICERD; dan
- (b) Komitmen dan perkembangan terkini kajian dan perbincangan mengenai penarikan balik reservasi-reservasi yang terdapat dalam CEDAW, CRC dan CRPD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada 5 April 2019 supaya Malaysia menarik balik penyertaan negara ke Statut Rome.
2. Setelah mengambil kira semua langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan proses penarikan penyertaan tersebut, Kementerian Luar Negeri telah mengemukakan surat penarikan penyertaan Malaysia ke

SOALAN NO : 132

Statut Rome kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), selaku depositori bagi triti tersebut, pada 29 April 2019.

3. Pada 15 Mei 2019, PBB telah mengesahkan penarikan balik penyertaan Malaysia dari Statut Rome yang berkuatkuasa pada 29 April 2019, iaitu tarikh surat penarikan balik penyertaan Malaysia ke Statut Rome. Makluman mengenai pengesahan tersebut juga telah dimuatnaik di laman sesawang PBB pada awal pagi 16 Mei 2019 (waktu Malaysia). Sehubungan dengan itu, Malaysia telah dikeluarkan secara rasmi daripada senarai Negara Pihak kepada Statut Rome.

4. Bagi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)*), Jemaah Menteri pada 23 November 2018 telah memutuskan supaya Kerajaan tidak meratifikasi ICERD.

5. Berhubung soalan kedua Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih lagi mengkaji penarikan balik reservasi-reservasi yang terdapat dalam CEDAW, CRC dan CRPD.

Sekian, terima kasih.